

21 NOV 2003

Singapura-Paip

SINGAPURA BELUM BERI JAWAPAN TENTANG CADANGAN PENGALIHAN PAIP AIR

JOHOR BAHRU, 21 Nov (Bernama) -- Singapura masih belum memberi jawapan berhubung cadangan untuk mengalih paip-paip air milik Lembaga Kemudahan Awam (PUB) republik itu bagi pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di sini.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata, kertas cadangan itu telah dihantar hampir sebulan lepas dan berharap persetujuan dapat diperolehi untuk mengelak sebarang kelewatan pada projek itu.

"Pembinaan paip-paip air yang baru perlu mendapat persetujuan dari Singapura kerana pada masa ini terdapat paip-paip air ke Singapura di darat dan di sepanjang Tambak Johor yang perlu dialihkan," katanya kepada pemberita selepas melawat projek itu dan menghadiri majlis berbuka puasa anjuran GPSB di sini, semalam.

Pengarah Pembinaan Jabatan Kerja Raya (JKR) Ir.Anton Sebastian yang mengawasi projek itu semasa ditemui dalam majlis yang sama berkata pihaknya menjangka pihak Singapura memerlukan masa sebulan untuk memberi jawapan terhadap cadangannya tentang paip air itu.

"Sekarang, ia masih dalam time frame (tempoh masa yang diberikan). Saya tidak nampak mengapa mereka (kerajaan Singapura) mahu menolak (cadangan untuk mengalih paip-paip yang membekalkan air ke republik itu)," katanya ketika ditemui pada majlis yang sama.

Projek yang dimajukan oleh syarikat Gerbang Perdana itu meliputi pembinaan kompleks KIK bernilai RM1.26 bilion dan jambatan jalanraya serta jambatan keretapi bernilai RM1.1 bilion.

Keseluruhan projek itu yang akan menukar imej bandaraya Johor Baharu itu dijangka siap pada akhir 2005. Ia telah dilancarkan secara rasmi oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Ogos lepas.

Abdul Ghani berkata, keseluruhan projek itu kini berjalan mengikut jadual dengan pembinaan KIK itu telah mencapai kemajuan sebanyak 23 peratus manakala pembinaan kedua-dua jambatan telah mencapai 13 peratus.

Walaupun kerja-kerja pembinaan terganggu akibat cuaca tetapi pihak pemaju katanya, yakin keseluruhan projek itu akan siap mengikut jadual pada akhir 2005.

Menurutnya, sehingga kini sejumlah RM118 juta telahpun dibelanjakan bagi pembinaan kompleks KIK manakala pembinaan kedua-dua jambatan itu telah mencecah kos sebanyak RM50 juta.

Ditanya mengenai pemindahan penghuni Flet Bukit Chagar bagi memberi laluan kepada projek KIK, Abdul Ghani berkata, mereka akan dipindahkan setelah kawasan perumahan di Bakar Batu siap pada awal 2005.

Awal tahun ini, penduduk-penduduk Flet Lumba Kuda telah dipindahkan ke beberapa kawasan perumahan di sekitar bandaraya Johor Baharu bagi kerja-kerja merobohkan kediaman mereka juga untuk projek KIK.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri amat menghargai kerjasama yang telah diberikan oleh penduduk berkenaan.

Mengenai keadaan trafik di Johor Baharu setelah beberapa jalan terpaksa ditutup akibat projek KIK, Abdul Ghani berkata, beliau berpuashati dengan keadaan pada masa ini setelah beberapa perubahan dilakukan.

-- BERNAMA

MHI PR